



**Lembaga Minyak Sawit Malaysia
MALAYSIA PALM OIL BOARD (MPOB)**

PELAWAAN ULASAN UMUM

CADANGAN PINDAAN 'AMALAN GARIS PANDUAN PERNIAGAAN BUAH KELAPA SAWIT'

KATEGORI LESEN YANG TERLIBAT:

- 1) PENIAGA BUAH KELAPA SAWIT (DF)**
- 2) KILANG BUAH KELAPA SAWIT (MF)**

Selaras dengan perkembangan semasa industri sawit di Malaysia, MPOB memainkan peranan penting dalam mengawal selia industri sawit negara supaya ia berkembang maju dan berdaya saing melalui aktiviti pelesenan dan penguatkuasaan. Bagi memastikan industri kelapa sawit bergerak lancar, sihat, sempurna dan teratur setiap pihak yang terlibat perlu mengamalkan etika perniagaan yang seragam dan adil kepada semua pihak. Oleh yang demikian, adalah perlu 'Garis Panduan Amalan Perniagaan Buah Kelapa Sawit' ini disemak semula.

Kategori Terlibat	Tarikh Kuatkuasa
Peniaga Buah Kelapa Sawit (DF)	1 Januari 2023
Kilang Buah Kelapa Sawit (MF)	1 Januari 2023

Ulasan/ komen terhadap cadangan-cadangan ini terbuka kepada umum selama tujuh (7) hari bermula dari 2 September 2022 sehingga 8 September 2022. Tuan/ puan boleh menyalurkan ulasan dan justifikasi terhadap ulasan tuan/ puan menggunakan Borang Ulasan Umum yang disediakan.

Pendapat tuan/ puan sangat dihargai bagi menyumbang kepada kelestarian industri sawit Malaysia. Setiap ulasan tuan/ puan akan dikaji dengan teliti.

Terima kasih atas perhatian tuan/ puan.

Sila klik lampiran di bawah: